



Australian Government
Director of National Parks

SUARAKAN PENDAPATAN ANDA



Nesting red-footed booby

Rencana Pengurusan Taman Negara Pulu Keeling 2011 - 2021

Direktur National Parks ingin mendengar pandangan kamu tentang bagaimana Taman Negara Pulu Keeling sepatutnya diurus untuk 10 tahun yang akan datang

Sebuah rencana pengurusan baru untuk Taman Negara Pulu Keeling

Rencana pengurusan yang kedua untuk Taman Negara Pulu Keeling sedang digunakan hingga April 2011. Rencana baru sedang dipersiapkan untuk mengawalkan pengurusan taman ini untuk 10 tahun berikutnya. Anda dijumput untuk membantu dalam persiapan rencana pengurusan yang baru ini dengan bersuarakan perkara-perkara yang kamu ingin lihat dipertimbangkan dalam rencana yang baru.

Sebagai sebuah pulu diluaran yang jarang diganggu, meneruskan untuk menjaga penghargaan alam dan warisan daripada ancaman-ancaman seperti jenis-jenis yang merusakkan, akan menjadi perhatian terpenting dalam rencara pengurusan yang baru ini.

Taman ini memberikan peluang untuk penyelidikan dan pengalaman pelawatan yang terbatas tetapi bermutu tinggi untuk pengemar alam, kalau aktiviti ini dalam pengurusan terbaik, supaya mereka tidak menjadi ancaman terhadap taman yang dihargai. Keperluan pengurusan untuk rencana ini akan perlu disesuaikan supaya ada kelonggaran untuk bertindak terhadap petukaran yang berkemungkinan dan ancaman baru.

Perhubungan dengan masyarakat Cocos dan stakeholders lain akan diperlukan dalam persiapan rencana ini dan pengurusan taman ini menurut rencana pengurusan dari 2011 hingga 2021.



▲ Taman Negara Pulu Keeling dipandang dari timor-laut. Pulu ini sesuai untuk tempat tarangan burung-burung laut.

Undang-undang Pemuliharaan Biodiversiti dan Perlindungan Alam Sekitar 1999

Environment Protection and Biodiversity Conservation Act 1999 (EPBC Act) memerlukan Direktur National Parks untuk persiapkan sebuah rencana pengurusan untuk Taman Negara Pulu Keeling.

Rencana pengurusan yang ketiga 2011-2021 akan mempertimbangkan pandangan-pandangan yang diterima sebagai balasan terhadap jumputan ini untuk memberi pendapat, dan pandangan terhadap rencana yang draft bila dikeluarkan kepada masyarakat umum untuk dipertimbangkan.

EPBC Act menyatakan yang sebuah rencara pengurusan, diantara yang lain-lainnya:

- menyatakan bagaimana taman ini diuruskan
- menyatakan bagaimana ciri-ciri alam dan warisan taman ini dijaga dan dipertahankan
- menyatakan batas-batas atau larangan terhadap apa yang Direktur mungkin buat yang berkenaan dengan taman ini
- menyatakan segala operasi yang mungkin dijalankan ditaman ini
- menunjukkan aktiviti biasa untuk diizinkan atau dilarang dan bagaimana akan dilaksanakan
- menunjukkan bagaimana rencana ini mempertimbangkan persetujuan internasional yang berkenaan.

Langkah-langkah untuk menyiapkan rencana pengurusan ini

Berikutnya adalah langkah-langkah yang diperlukan oleh Direktur National Parks dalam persiapan rencana pengurusan sebagaimana telah diterangkan dalam EPBC Act:

- menjumput masyarakat umum untuk memberi pendapat mereka berkenaan cadangan rencara yang baru. Proses mendapatkan suara-suara daripada masyarakat adalah langkah pertama yang penting sekali dalam persiapan rencana ini
- siapkan rencana yang draft, dengan mempertimbangkan semua pendapat dalam setiap pertimbangan.
- buat rencana draft ini dan jumput pandangan/pendapat terhadap rencana ini (pandangan/pendapat akan dijumput dalam 2010)
- pertimbangkan semua suara-suara yang diterima dan tukar rencana draft dimana perlu
- masukkan rencana ini ke Minister untuk Alam Sekitar untuk diluluskan dan kemukakan kepada kedua-dua House of Parliament.

Tentang Taman Negara Pulu Keeling

Taman Negara Pulu Keeling meliputi keseluruhan Pulu Keeling, iaitu pulu karang yang rendah dengan batas lautan luas, terjadi daripada puncak gunung berapi yang timbul daripada 5000 mita dalamnya. Taman ini termasuk jumlah tanah seluas 1.2 sq kilomita, lagoon dan sekelilingnya lautan sejaoh 1.5 kilomita dari darat. Walaupun kecil, taman ini mempunyai penghargaan untuk penjagaan yang penting kerana ia menjaga kehidupan untuk binatang-binatang yang penting (terutama sekali burung-burung lautan) dan digelarkan sebagai 'wetland' yang penting diseluruh dunia dibawah Pejanjian Ramsar. Tempat-tempat semula-jadi yang masih satu dalam tropics sekarang sudah berkurangan diseluruh dunia, jadi terus untuk menjaganya adalah penting sekali.

Taman ini mewakilkan sisa-sisa pokok-pokok yang asli terdapat di Cocos (Keeling) Islands dahulu dan sekurang-kurangnya 61 jenis telah didaftarkan. Tidak kurang dari 60 jenis burung telah didaftarkan, termasuk kira-kira 30,000 pasangan burung booby berkaki merah dan ayam hutan Cocos yang dalam keadaan bahaya untuk kerabisan dan hanya terdapat ditaman ini. Kepiting-kepiting yang didalam hutan juga menarik perhatian.

Disekelilingnya taman ini mempunyai tiga jenis tempat tinggal untuk kehidupan dilautan iaitu baria karang luaran, karang yang rata (termasuk pinggir laut yang pasir dan batu-batu) dan 'wetland' lagoon. Kehidupan dan jenis-jenis binatang lautan ditaman ini dekat dengan yang terdapat disebahgian Lautan India dan Pacific, tetapi tidak terbatas dengan taraf tekanan perkembangan penggunaan. Penyu lautan yang bererti diseluruh dunia dan yang terancam, termasuk penyu betol yang bertelor, tinggal ditaman ini. Ada berberapa jenis ikan 'hybrid', sebagai hasil daripada terkumpulnya ikan-ikan daripada Lautan Pacific disebelah barat dan Lautan India sebelah timor.



▲ Tepak-tepak penyu betol di Pulu Keeling

Bagaimana untuk 'Bersuarakan Pendapatan Anda'

Rencana pengurusan yang sekarang ini boleh menjadi bantuan sebagai cara permulaan bila kamu ertimbangkan pendapatan dan cadangan apa hendak dikemukakan.

Ini boleh didapati daripada environment.gov.au/parks/publications/cocos/management-plan.html atau secara dikirim daripada alamat tersebut dibawah. Salinan ini juga boleh diambil daripada opis Cocos Islands Parks Australia di Pulu Panjang dan Home Island.

Separuh daripada perkara-perkara yang kamu boleh memberi pandangan dan pendapatan termasuk:

- penjagaan binatang dan alam
- penyelidikan dan pelajaran
- pengurusan bahgian lautan

Dimana untuk mengirim pendapatan kamu

Pendapatan dan suara anda diminta secara tertulis sebelum 5hb February 2010 dan boleh di email ke: pulukeelingplan@environment.gov.au atau dikirim ke:

The Chief Ranger
Pulu Keeling National Park
PO Box 43
Cocos Keeling Islands
Indian Ocean 6799
Fax 08 9162 6680

OR

The Project Manager
Christmas Island National Park
PO Box 867
Christmas Island
Indian Ocean 6798
Fax 08 9164 8755

Pendapatan dan suara yang diterima selepas 5hb February 2010 mungkin tidak akan dipertimbangkan dalam persiapan rencana draft ini.

Keterangan selanjutnya tentang Taman Negara Pulu Keeling boleh didapati di website: environment.gov.au/parks/cocos atau secara menghubungi national park dinomor 08 9162 6678.

Lokasi Taman Negara Pulu Keeling

